

Kemahiran Keibubapaan Membentuk Peribadi Anak


► Makmor Tumin

Profesor Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Pengajian Pembangunan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya

Perbincangan tentang cara mendidik anak pada zaman ini sememangnya telah banyak dilakukan. Dalam makalah ini, perbincangan didasarkan kepada tulisan Dr. Yasir Qadhi dalam bukunya, *Our Family Our Legacy*. Daripada tujuh tip atau cara mendidik anak yang dibincangkan dalam buku tersebut, hanya empat perkara yang akan diketengahkan dalam makalah ini.


Perkara pertama yang amat penting dan relevan dengan cabaran mendidik anak pada zaman siber ini ialah ibu bapa hendaklah memaafkan kesilapan dan perkara tidak elok yang dilakukan oleh anak. Anak pada zaman ini hidup dan membesar dalam alam siber yang membolehkan apa-apa yang berlaku di luar menerobos masuk ke rumah. Baik atau buruknya dapat diketahui dengan menekan butang klik sahaja. Kita tentunya mengetahui bahawa naluri anak sekiranya dibiarkan bebas tanpa pegangan moral dan agama, maka pasti akan membawa kemudaratan.

Dalam penyelidikan di Barat, Sigmund Freud pernah menyebut tentang naluri libido (nafsu bawah perut) yang telah ada sejak awal zaman kanak-kanak lagi. Anak kita dibesarkan pada era teknologi berkembang pesat di serata dunia, bagaimanakah kita boleh memastikan anak kita tidak terpicat dengan ledakan teknologi dan penggunaan peranti? Rata-rata ibu bapa yang berusia 50 tahun ke atas pada hari ini tidak dibesarkan dalam keadaan berkenaan ekor perbezaan dan peredaran zaman. Namun demikian, hal ini bukanlah bermakna ibu bapa perlu membiarkan dan





Yasir Qadhi berpesan, "Sekiranya kita mempunyai pendapatan keluarga yang sudah selesa, lupakan sahaja buat sementara waktu keinginan untuk kenaikan pangkat atau pendapatan sampingan bagi menambah kemewahan keluarga."



merelakan anak mereka hanyut dalam arus teknologi tanpa pengawasan. Usaha mesti dilakukan!

Pelbagai cara boleh digunakan oleh ibu bapa untuk memantau keadaan tersebut. Sebagai contoh, penggunaan peranti hanya dibenarkan di ruang yang terbuka, terutamanya bagi anak di bawah usia 15 tahun. Selain itu, ibu bapa juga

boleh mengambil inisiatif dengan memasang aplikasi atau perisian tertentu yang boleh dibeli atau didapatkan secara percuma bagi memantau kegiatan anak. Perisian yang dimaksudkan antaranya termasuklah Kidslox, SecureTeen dan Google Family Link. Inilah antara faktor yang menyebabkan pentingnya dianjurkan kursus kemahiran keibubapaan dalam alam siber yang seharusnya diadakan secara khusus, segera dan kerap.

Ibu bapa juga hendaklah menegur kelakuan anak dengan berhemah, bukannya dengan menggunakan kekerasan dan marah secara keterlaluan

sekiranya mendapati anak melakukan perkara yang tidak elok. Cabaran kehidupan pada masa ini memanglah besar termasuk tekanan kos hidup yang semakin meningkat dari hari ke hari. Anak kita juga diuji dengan pelbagai cabaran dan godaan. Maka itu, belajarlah memaafkan mereka yang hidup dalam dunia yang penuh dengan cubaan dan godaan siber ini.

Perkara kedua adalah berkaitan dengan masa berkualiti yang harus diperuntukkan kepada keluarga. Bagi suami atau isteri yang mencari nafkah keluarga, wang ringgit atau kerjaya sememangnya penting, tetapi masa berkualiti dengan anak atau keluarga itu lebih penting. Walau bagaimanapun, Yasir Qadhi berpesan, "Sekiranya kita mempunyai pendapatan keluarga yang sudah selesai, lupakan sahaja buat sementara waktu keinginan untuk kenaikan pangkat atau pendapatan sampingan bagi menambah kemewahan keluarga."


Masa berkualiti bersama-sama keluarga amatlah penting, malah aktiviti bersama-sama mereka perlu difahami sebagai ibadat. Rasulullah SAW sebagaimana dalam hadisnya pernah menyebut dan terjemahannya seperti yang berikut.

Daripada Jabir bin Umair dia berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Setiap perkara yang tidak disebut nama Allah SWT adalah sia-sia dan lalai melainkan empat perkara: Perjalanan seorang lelaki antara dua matlamat, seseorang yang mengajar kudanya, bermesra dengan isteri dan juga belajar berenang."

(Mu'jam al-Awsat, no. 8147)

"Bermesra dengan isteri" dalam hadis tersebut secara khusus bermaksud bermain-main atau bergurau senda dengan isteri, namun secara amnya, dalam kehidupan keluarga, hal tersebut merupakan suatu ibadat. Perkara ini jugalah yang sering diingatkan oleh para asatizah. Sesuatu perkara baik yang dilakukan dengan mengingati Allah untuk mendapatkan keredaannya merupakan suatu ibadat. Aktiviti riadah seperti berkelah, berjoging atau memanjat gunung, yang dilakukan sesama suami isteri dan ahli keluarga merupakan ibadat yang istimewa. Apabila sesuatu perkara dilakukan ikhlas kerana Allah, manfaatnya bukan sahaja terhadap kesihatan dan kemesraan suami isteri serta hubungan kekeluargaan dapat dicapai, tetapi dipandang sebagai satu usaha untuk mendapatkan keredaan-Nya. Perbuatan Rasulullah SAW melayani cucundanya, Hasan dan Husain sewajarnya memberikan gambaran bahawa bermain-main dengan ahli keluarga amat penting dalam kehidupan berkeluarga.


Perkara ketiga pula berkaitan dengan peri pentingnya ibu bapa sentiasa merapatkan hubungan anak dengan ahli keluarga, rakan dan komuniti.



Meluangkan masa berkualiti bersama-sama keluarga amat penting dan menjadi suatu ibadat.

Anak bukan sahaja belajar daripada ibu bapanya, tetapi juga melihat dan menilai adik-beradik dan kawan ibu bapanya, serta persekitaran masyarakat di tempat tinggal mereka. Hal ini membawa isyarat bahawa sebagai ibu bapa, kita haruslah berhikmah dan bijak merapatkan hubungan anak dengan saudara-mara yang dipercayai dapat memberikan contoh teladan dan kepimpinan yang baik kepada anak. Membiarkan anak mendampingi individu yang tidak dapat dipastikan kewibawaannya, khususnya dari segi agama, boleh mendatangkan masalah terhadap anak dan keluarga.

Perkara ini juga penting dalam hubungan antara ibu bapa dengan rakan. Ibu bapa bukan sahaja perlu berkawan dengan orang yang dapat mengingatkan mereka akan Tuhan, bahkan tidak membawa anak ke rumah individu



yang tidak boleh diteladani oleh mereka. Imam al-Syafii pernah menyebut, “Tinggalkan bersahabat dengan orang yang meninggalkan Tuhan kerana jika dia boleh meninggalkan Tuhan, amat mudah dia meninggalkan kita.”

Sebenarnya, membesarkan dan mendidik anak pada zaman ini merupakan usaha yang perlu dilakukan secara bersama. Oleh itu, pastikan kita dan anak berada dalam komuniti yang sihat dan semangat kejirannya berasaskan agama dan moral yang berpedoman ke arah alam yang kekal di akhirat. Kita perlu menjadi mata dan telinga untuk sama-sama membantu anak dan seluruh jiran tetangga bagi mendapatkan faedah secara bersama. Perlu diingat bahawa bukan jiran yang wujud secara fizikal sahaja yang dimaksudkan di sini, tetapi juga tetangga dalam talian yang wujud dalam alam maya.

Perkara terakhir, iaitu yang keempat adalah berkaitan dengan peri pentingnya doa memohon kepada Allah SWT supaya dikurniakan anak yang soleh dan solehah agar berjaya mendapatkan keluarga yang baik. Doa merupakan perkara yang amat ditekankan dalam Islam. Walau apa-apa pun keadaan anak dan keluarga kita pada masa ini, teruslah berdoa supaya sentiasa mendapat petunjuk dan hidayah Allah SWT.

Dalam hubungan suami isteri, satu perkara yang mesti dielakkan sama sekali ialah pertengkaran antara suami dengan isteri di hadapan anak apatah lagi perlakuan ganas di hadapan mereka. Dalam hadis yang berikut, Sayidatina Aisyah meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW tidak pernah sesekali mengangkat tangannya kepada perempuan dan hamba.

Daripada Aisyah r.a.
katanya:

“Rasulullah SAW tidak pernah memukul sesuatu dengan tangannya sama ada isteri atau khadam melainkan dia berjuang pada jalan Allah SWT. Baginda juga tidak pernah menuntut bela kerana sesuatu yang menyakiti dirinya terhadap yang melakukannya, melainkan jika perbuatan itu melanggar perkara yang diharamkan oleh Allah SWT. ... Baginda akan menuntut bela kerana Allah SWT.”

(Hadis riwayat Muslim)

Tentulah banyak contoh lain yang boleh ditunjukkan oleh ibu atau bapa kepada anak melalui teladan yang baik. Diri sendiri hendaklah tidak merokok sebelum melarang anak supaya tidak merokok. Ibu bapa juga tidak seharusnya menceritakan keburukan orang lain kepada anak, malah anak wajib diajar supaya tidak mengumpat atau memfitnah orang lain. Bayangkan impak terhadap jiwa anak sekiranya mereka bangun pada tengah malam, lalu terlihat ibu bapanya sedang bertahajud, mengalirkan air matanya bermunajat kepada Tuhan dan memohon keampunan, berbanding dengan bapanya yang sibuk dengan telefon bimbit. Mudah-mudahan anak kita tidak lekang memanjatkan doa yang berikut:



Doa untuk ibu bapa

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي
وَلِوَالِدِيَّ وَارْحَمْهُمَا
كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا

Maksudnya:

“Ya Allah! Ampunilah dosaku dan dosa kedua-dua orang tuaku, dan kasihilah mereka sebagaimana mereka mengasihiku sejak kecil.” ^{om}